

Projek Perumahan untuk Warga Emas untuk mempersiapkan Thailand menghadapi penuaan masyarakat



Sebagai langkah untuk mempersiapkan Thailand menghadapi penuaan masyarakat, kabinet pada 24 Oktober 2018 meluluskan pelaksanaan projek perumahan untuk warga emas, yang diusulkan oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keselamatan Manusia.

Projek ini, yang dikenali sebagai Ban Kheha Katanyu Khlong Luang 1, terdiri daripada 192 unit, dengan pelaburan 417.139 juta baht. Ia terletak di kawasan seluas 38.59 rai (sekitar 15.4 ekar), yang dimiliki oleh The National Housing Authority, di Wilayah Pathum Thani.

Projek ini bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan menyeluruh warga emas secara kitaran penuh. Satu rancangan akan disusun untuk pengurusan komuniti yang sesuai untuk orang tua. Sistem pengangkutan awam yang selamat juga akan diaturkan. Selain itu, pelbagai aktiviti menarik akan diadakan untuk mempromosi nilai-nilai rohaniah untuk warga emas, yang juga akan disediakan dengan penjagaan khas dalam kesihatan awam. Pembinaan projek itu akan bermula pada 2018 dan dijangka siap pada tahun 2020.

Menurut Jabatan Statistik Negara, Thailand akan menjadi masyarakat yang berumur di 2021, apabila orang Thai berusia lebih 60 tahun akan menyumbang 20 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Tarikh Terbit: 10 November 2018